



12 DEC, 2023

Pengusaha serondeng dan pemilik syarikat pengiklanan gagal kemuka penyata SST didenda

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 1 of 2

Pengusaha serondeng dan pemilik syarikat pengiklanan gagal kemuka penyata SST didenda

KOTA BHARU: Seorang pengusaha serondeng dan seorang pemilik sebuah syarikat pengiklanan, masing-masing didenda RM3,900 oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah atas tiga pertuduhan gagal mengemukakan penyata Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST-02) dalam tempoh ditetapkan.

Hakim Mohd Zul Zakiquddin Zulkifli mengenakan denda itu terhadap Wan Zairul Izzuan Ariz Wan Zainudin, 30, pengusaha perniagaan serondeng di Kampung Laut, Tumpat dan Mohd Ridzuan

Jusoh, 34, pemilik sebuah syarikat pengiklanan di Kota Bharu itu, dalam prosiding berasingan.

Mengikut pertuduhan, Wan Zairul sebagai Orang Kena Saman (OKS) didakwa gagal mengemukakan penyata berkenaan dalam tempoh antara 1 Mac hingga 31 Ogos lepas seperti ditetapkan mengikut Seksyen 26(1) Akta Cukai Jualan 2018.

Mohd Ridzuan juga didakwa gagal berbuat demikian dalam tempoh yang sama.

Kesemua kesalahan dilakukannya di Jabatan Kastam

Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, Jalan Tok Guru, di sini.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 26(6) ACP 2018 (Akta 807) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa JKDM Mohd Haswadi Mohamad Nor sementara Wan Zairul Izzuan Ariz tidak diwakili peguam, manakala Mohd Ridzuan pula diwakili oleh peguam Azura Ghazali. — Bernama



BERSALAH: Wan Zairul (dua kanan) didenda RM3,900 oleh Mahkamah Sesyen semalam setelah didapati gagal mengemukakan penyata Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST-02) dalam tempoh yang ditetapkan. — Gambar Bernama



12 DEC, 2023

Pengusaha serondeng dan pemilik syarikat pengiklanan gagal kemuka penyata SST didenda

Utusan Borneo Sabah, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU: Seorang pengusaha serondeng dan seorang pemilik sebuah syarikat pengiklanan, masing-rnasing didenda RM3.900 oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah atas tiga pertuduhan gagal mengemukakan penyata CukaiJualandanPerkhidmatan (SST-02) dalam tempoh ditetapkan. Hakim Mohd Zul Zakiquudin Zulkilli mengenakan denda itu terbadap Wan Zairul Izzuan Ariz Wan Zainudin, 30, pengusaha perniagaan serondengdi Kampung I-aut, Tumpat dan Mohd Ridzuan

Jusoh, 34, pemilik sebuah syarikat pengiklanan di Kota Bharu itu, dalam prosiding berasingan.